

19/03/2001

Swasta juga patut kaji semula umur persaraan

MELAKA, Ahad - Kementerian Sumber Manusia mahu majikan sektor swasta turut mengkaji cadangan melanjutkan umur persaraan pekerja supaya dapat mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja mahir.

Ini berikutan, kementerian itu sendiri ada menerima rayuan daripada kesatuan sekerja sektor swasta, termasuk bank, mencadangkan majikan sektor swasta melanjutkan umur bersara 55 tahun sekarang.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn berkata, cadangan itu perlu dikaji serta ditimbang oleh majikan sektor swasta kerana pekerja yang bersara pada usia 55 tahun sekarang mempunyai banyak pengalaman serta berpotensi mencapai mutu kerja tinggi.

Katanya, bersara pada usia lanjut lebih 55 tahun di negara jiran sudah menjadi fenomena biasa tetapi baru bagi negara ini.

"Sebaiknya pihak majikan swasta berbincang supaya boleh dikaji rayuan kesatuan sekerja ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar latihan kemahiran kebangsaan di Dewan MCA Negeri, di sini malam tadi.

Beliau mengulas mengenai keputusan kerajaan yang pada dasarnya bersetuju melanjutkan setahun lagi had umur persaraan kakitangan awam daripada 55 tahun kepada 56 tahun.

Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) Abd Rahman Manan, berkata persetujuan itu dimaklumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam pertemuan dengan wakil kongres berkenaan, yang diketuai presidennya, N Siva Subramaniam di Putrajaya, Rabu lalu.

Dr Fong berkata, kementerianya yang bertanggungjawab terhadap sektor swasta, khususnya sektor pekilangan, berpendapat ada kebaikan usia persaraan itu dilanjutkan.

Katanya, ini selaras dengan kedudukan negara yang menghadapi kekurangan tenaga mahir sehingga melancarkan kempen menggalakkan pekerja mahir di luar negara balik berkhidmat di tanah air.

"Kerajaan prihatin dan peka mengenai keperluan generasi moden sekarang dan menimbang bagaimana dapat menggunakan tenaga pekerja berusia lebih 55 tahun," katanya.

Oleh itu, tegasnya, pertimbangan melanjutkan umur persaraan adalah wajar lebih-lebih lagi sektor swasta yang masih kekurangan tenaga mahir dalam beberapa bidang tertentu.

(END)